



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 9 MAC 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	KPKM SEDANG NILAI KEROSAKAN, KERUGIAN AKIBAT BANJIR, BH -ONLINE KPKM KOMITED GUNA TEKNOLOGI MODEN TINGKAT HASIL PERTANIAN, KOSMO -ONLINE BANJIR: KPKM SEDANG NILAI KEROSAKAN, KERUGIAN SEKTOR PERTANIAN DAN PENTERNAKAN, ASTRO AWANI -ONLINE MAT SABU TEKAD KEMBALIKAN ERA KEGEMILANGAN MALAYSIA ANTARA PENGEKSORT UTAMA TELUR, BH -ONLINE KPKM STUDY ON ASSISTANCE TO VICTIM, NATION, CHINA PRESS -A10 MAFS TO ANNOUNCE WAYS TO ASSIST FLOOD VICTIMS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A5 MAT SABU REVEALS NAME OF SOLE MALAYSIAN FIRM IMPORTING EGGS FROM INDIA, NATION, CHINA PRESS -A6 MAT SABU: GOVT NOT EXCLUDE POSSIBILITY 'IMPORT EGG' IF LOCAL SHORTAGE ISSUES CONTINUES, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4 MAT SABU: GOVT MERELY APPROVE 1 COMPANY IMPORT EGG FROM INDIA, NATION, SIN CHEW DAILY -7 MAT SABU TO DISCLOSE INFORMATION OF INDIAN EGG IMPORTER, NEWS, GUANG MING DAILY -A6 CHAN FOONG HIN: AGROBANK OFFERS 3 PCT LOW-INTEREST LOANS FOR FARMERS TO APPLY, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A5 KPKM MASIH MENILAI KERUGIAN SEKTOR PERTANIAN, PENTERNAKAN, LOKAL, HM -4 KPKM MASIH KENAL PASTI, NILAI KEROSAKAN, NASIONAL, BH -15 'SAYA TIDAK SEMBUNYI APA-APA', NASIONAL, SH -19 GOVT TO ASSESS AGRICULTURE SECTOR FLOOD DAMAGE, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -5 I WILL REVEAL EVERYTHING, SAYS MAT SABU, NATION, THE STAR -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
17. 18. 19.	MAQIS GAGALKAN CUBAAN MENYELUDUP 17 EKOR AYAM HIDUP DARI THAILAND, UM -ONLINE MAQIS KELANTAN GAGALKAN CUBAAN SELUDUP AYAM HIDUP, LOKAL, HM -23 CUBAAN SELUDUP 17 EKOR AYAM HIDUP DI TUMPAT DIPATAHKAN MAQIS, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
20. 21.	PANTAU KEMASUKAN DAGING DARI BRAZIL, NEGERI, SH -24 PENTERNAK RUGI RM200,000, 50 EKOR LEMBU MATI DIRACUN, DALAM NEGERI, UM -31	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
22. 23. 24. 25.	100 NELAYAN TERJEJAS TERUK, HASIL MEROSOT 100 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -31 TANAM LEBIH 10 JENIS SAYUR DI MASJID, NEGARA, KOSMO -16 TANGKAPAN IKAN DI PERLIS MEROSOT, NEGARA, KOSMO -15 KERAJAAN BANCIL KERUGIAN PETANI, PENTERNAK, DALAM NEGERI, UM -30	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

KPKM sedang nilai kerosakan, kerugian akibat banjir



Chan Foong Hin (dua dari kiri) ketika menyampaikan anugerah kepada peserta Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan (NAFEC) 2023 di Institut Latihan FAMA, Port Dickson. - Foto NSTP/Mohd Khidir Zakaria

PORT DICKSON: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang menilai dan mengenal pasti kerosakan serta jumlah kerugian sebenar dialami bagi sektor pertanian serta penternakan terutama di Johor yang terjejas akibat

banjir ketika ini.

Timbalan Menteri, Chan Foong Hin, berkata ia bagi memastikan semua petani dan penternak yang terjejas akan menerima bantuan sewajarnya selepas proses penilaian dilakukan.

"Ketika ini, pihak kementerian melalui pelbagai agensi di lapangan sedang mendapatkan bancian penuh (mangsa banjir) sebelum kita boleh tentukan berapa jumlah pampasan yang boleh diberikan kepada mangsa.

"Setakat ini belum ada jumlah kerugian sebenar kerana banjir masih belum surut sepenuhnya, kita tak dapat berikan sebelum dapatkan maklumat terperinci," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian Dan Makanan (NAFEC) 2023.

Sementara itu, dalam program berkaitan, seramai 203 peserta menyertai konvensyen yang berlangsung dua mulai hari ini di sini.

"Penganjuran NAFEC 2023 ini juga membabitkan kerjasama 15 penganjur bersama yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan universiti awam.

"Fokus NAFEC 2023 ialah membincangkan teknologi terkini, keperluan dan masalah industri pertanian dan makanan, berkongsi amalan baik pertanian dan makanan sertacadangan penambahbaikan undang-undang terutamanya untuk bidang kejuruteraan pertanian dan makanan," katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM, Datuk Azah Hanim Ahmad dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	KOSMO	ONLINE	

KPKM komited guna teknologi moden tingkat hasil pertanian



PORT DICKSON – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited dalam memastikan penggunaan teknologi dalam bidang pertanian untuk meningkatkan hasil pertanian, selain menarik minat golongan muda menceburi bidang itu.

Timbalan Menteri, Chan Foong Hin berkata, bidang kejuruteraan pertanian mampu mengubah persepsi golongan muda yang mungkin tidak berminat untuk menggunakan pertanian cara lama seperti menggunakan cangkul atau sebagainya.

Menurutnya, banyak teknologi dalam bidang pertanian sudah tersedia di negara ini, namun, kementerian berhadapan cabaran untuk memastikan adaptasi teknologi tersebut dalam kalangan petani atau pesawah.

“Salah satu hala tuju kementerian tahun ini adalah untuk meremajakan sektor pertanian. Sekarang kita alami satu cabaran di mana pesawah, petani semakin menua. Oleh itu, kita berpendapat, cara bagi menarik perhatian golongan muda menceburi bidang ini adalah menggalakkan adaptasi teknologi moden dalam pertanian.

“Kemungkinan golongan muda sekarang tak sudi pakai cangkul atau topi bekerja di bawah matahari yang terik. Mereka boleh pakai dron buatan Malaysia berharga RM30,000 untuk tujuan itu,” katanya pada sidang akhbar Majlis Perasmian Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan (NAFEC) 2023 di Institut Latihan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), di sini, hari ini.

Dalam konvensyen yang masuk tahun ke enam penganjurannya itu, sebanyak 203 individu menyertainya dan 91 poster bakal dibentangkan berkaitan kejuruteraan pertanian.

Dalam pada itu, Foong Hin berkata, penganjur program seumpama itu adalah selaras dengan teras utama Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang menekankan kepentingan penerapan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) melalui pemodenan dan pertanian pintar bagi meningkatkan produktiviti hasil pertanian negara. – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

Banjir: KPKM sedang nilai kerosakan, kerugian sektor pertanian dan penternakan



Chan Foong Hin berkata ia bagi memastikan semua petani dan penternak terjejas menerima bantuan sewajarnya selepas proses penilaian dilakukan. -

Foto BERNAMA

PORT DICKSON: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang menilai dan mengenal pasti kerosakan serta jumlah kerugian dialami sektor pertanian dan penternakan terutama di Johor yang terjejas akibat banjir.

Timbalan Menteri Chan Foong Hin berkata ia bagi memastikan semua petani dan penternak terjejas menerima bantuan sewajarnya selepas proses penilaian dilakukan.

"Ketika ini, kementerian (KPKM) melalui pelbagai agensi di lapangan, kita sedang mendapatkan banciaan penuh (mereka yang terlibat banjir) baru boleh kita tentukan berapa jumlah pampasan yang boleh diberikan kepada mereka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

Mat Sabu tekad kembalikan era kegemilangan Malaysia antara pengeksport utama telur



Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menyasarkan untuk mengembalikan 'era kegemilangan' negara sebagai antara pengeksport utama telur seperti lima tahun lalu. - NSTP/ARKIB

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menyasarkan untuk mengembalikan 'era kegemilangan' negara sebagai antara pengeksport utama telur

seperti lima tahun lalu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ia diusahakan menerusi kerjasama dengan pelbagai pihak untuk meningkatkan bekalan telur negara.

Katanya, kolaborasi di antara kementerian dan pengusaha industri telur mampu memberi impak positif kepada semua pihak dengan memberi keuntungan kepada penternak dan pada masa sama, mengurangkan beban kenaikan harga yang dihadapi pengguna.

"Benar lima hingga enam tahun lalu Malaysia pengeksport telur, kita akan kembali ke era itu. Insya-Allah kita akan jayakannya dengan cara membantu, berdialog dan berbincang dengan pengusaha-pengusaha telur yang besar seperti di Selangor.

"Mereka juga memberikan respon positif bahawa mereka berupaya pergi ke arah itu dan perkara ini sedang kita usahakan bersama pengusaha telur," katanya pada sesi penggulangan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 peringkat dasar di Dewan Rakyat, hari ini.

Selain itu, katanya, kementerian dalam usaha mempergiatkan sektor pertanian jagung bijirin dalam memastikan ketersediaan bekalan makanan bagi sektor penternakan tempatan, sekali gus memulihkan harga ayam dan telur di pasaran.

Berhubung Skim Takaful Tanaman Padi, Mohamad berkata, skim yang dilaksanakan oleh Agrobank itu bakal dilancarkan pada Ogos depan.

Dengan jumlah perlindungan sehingga RM100 juta setahun berbanding RM15 juta setahun bagi Tabung Bencana Tanaman Padi, katanya, skim itu bakal menghasilkan industri padi yang lebih mampan dan lestari selain menyumbang kepada keselamatan makanan negara.

Selain itu, beliau berkata, kementerian juga telah mengambil tindakan berhubung kejadian tanah jerlus di beberapa kawasan sawah negara susulan perubahan iklim dan taburan hujan tidak menentu.

Katanya, antara langkah diambil kementerian adalah meratakan tanah sawah, menyelenggara batas parit ladang, mengesyorkan penggunaan jentera bersesuaian dan tambah baik fizikal tanah.

Sementara itu, MAFS menerusi Jabatan Pertanian telah merekodkan seluas 103,563 hektar tanah terbiar di seluruh Semenanjung dan sangat mengalu-alukan sebarang usaha atau cadangan untuk memajukan tanah terbiar atau belum dibangunkan bagi tujuan itu.

Mohad berkata, di bawah Rolling Plan ke-3 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM13 juta kepada MAFS untuk membangunkan tanah-tanah terbiar milik agensi dan kementerian bagi tempoh 2023 hingga 2024. - BERNAMA

Headline	KPKM study on assistance to victim		
MediaTitle	China Press		
Date	09 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A10	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	193 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,807
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,421



■陈泓谦（右2）参观“2023年全国农业与粮食工程研讨会”私人界所展出的大型现代化农药及肥料无人配给机，右为再纳阿比丁及罗斯娜（右4）。

（芦骨8日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓谦披露，该部目前尚未完成对柔佛州水灾灾情对农业造成的损失评估，必须等待该部的报告出炉后，才能宣布援助方式。

他说，柔佛州是我国的农业大州，尤其是蔬菜和水果业，目前该州灾情严重，造成很多菜农或是果农蒙受巨大的损失，因此农业及粮食安全部已通过柔佛州的农业局和其他单位为柔州灾情进行评估和调查，该部必须得到确切的

農業部研究援助災民 副部長：等報告出爐

评估和调查报告，才能决定所需拨出的援助金方法或数额。

“因此在评估和调查报告尚未正式出炉前，农业及粮食安全部无法作出相关预测。”

陈泓谦是于今早在波德申联邦农业销售局（FAMA）训练中心，出席

马来西亚农业及粮食工程师协会举办的“2023年全国农业与粮食工程研讨会”（NAFEC）颁奖典礼后，在记者会上受询时如此指出。

出席者包括大马农业及粮食工程师协会主席罗斯娜博士及联邦农业销售局总监再纳阿比丁。

Headline	MAFS to announce ways to assist flood victims		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	09 Mar 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A5	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	174 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,189
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,566



陈泓谦（右二）参观“2023年全国农业与粮食工程研讨会”所展出的大型现代化农药及肥料无人机，右为再纳阿比丁及罗斯娜（右四）。

待柔水灾报告出炉 农业部将公布援助方式

（芦骨8日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓谦指出，柔佛州大水灾对农业造成的损失评估尚未完成，因此必须等待报告出炉后，才能宣布援助方式。

他说，柔佛州是我国的农业大州，尤其是蔬菜和水果业，目前该州灾情严重，造成很多菜农或是果农蒙受巨大的损失。

陈泓谦是于今日在波德申联邦农业销售局（FAMA）训练中心，出席大马农业及粮食工程师

协会举办的“2023年全国农业与粮食工程研讨会”（NAFEC）颁奖典礼后，在记者会上，这么表示。

他披露，该部已通过柔佛州的农业局和其他单位，根据灾情进行评估和调查，之后才能决定所需拨出的援助方法或数额。

他强调，在评估和调查报告尚未正式出炉前，该部无法作出预测。

出席者包括大马农业及粮食工程师协会主席罗斯娜博士及联邦农业销售局总监再纳阿比丁。

Headline	Mat Sabu reveals name of sole Malaysian firm importing eggs from India		
MediaTitle	China Press		
Date	09 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	171 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,373
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,119



末沙布：可查JNE公司資料 透明化入口印度蛋



■莫哈末沙布（左）抵达国会大厦。

（吉隆坡8日讯）农业及食品安全部长莫哈末沙布直言，在政府批准一家公司从印度进口鸡蛋到大马一事，他没有任何隐瞒，且会揭露所有事情。

他更直接说出，这家公司是JNE，并请有意了解此事的国会议员，可自行查询该公司的相关资料。

“JNE公司，去查谁是董事、主席。”

“我没有隐瞒任何事情，我会揭露所有事情。”

莫哈末沙布今日为财政预算案辩论进行部门总结时，受询及政府有意保护该公司而不透露公司名称时，他作此回应。

针对政府是否透过公开招标方式颁布合约给上述公司时，

他回应政府是通过快捷通道（fast track）方式批准该公司从印度进口鸡蛋到大马。

他说，兽医局是在经过各种考量後，通过快捷通道方式批准此事，且此事完全没有使用到政府的经费。

他强调，这只是短期的入口准证，若该公司没有根据标准行事，政府可以随时中止准证。

他强调，这属于特殊案例，政府此举是为了满足暂时性的鸡蛋供应短缺需求。

他说，若鸡蛋供应恢复，政府就会减少或停止入口。

他也相信，大马会恢复5至6年前，将鸡蛋出口到其他国家的年代。

Headline	Mat Sabu : Govt not exclude possibility `import egg` if local shortage issue continues		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	09 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	105 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,177
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,531



农长:若持续短缺 不排除从他国“进蛋”

(吉隆坡 8 日讯) 农业及粮食安全部长拿莫哈末沙布说, 若鸡蛋短缺的情况恶化, 政府不排除会其他国家进口鸡蛋, 如泰国、土耳其等。

他说, 这是在鸡蛋短缺的情况下, 如发生水灾而影响鸡蛋来源等, 目前我们是从印度进口鸡蛋, 应付鸡蛋不足的问题, 这只是暂时性的解决措施。

莫哈末沙布也公布 JNE 公司, 是我国获准进口印度鸡蛋的公司, 并欢迎议员去调查这家公司背景, 也强调本身没有隐瞒之处。

他今日 (8 日) 在代表部门为《2023 年财案》总结时回答布城议员拿督莫哈末拉兹吉丁询问时说, 政府也完全没有拨款给予该家进口印度鸡蛋的

公司。

莫哈末沙布说, 我国在 5、6 年前曾经出口鸡蛋到外国, 他希望我国鸡蛋供应可以尽快恢复到这个阶段。

他说, 这就是政府至今不愿开放进口鸡蛋原因, 因为鸡蛋短缺是因为冠病疫情期间造成的短缺。

此外, 在被土团党打昔牛汝莪议员旺赛夫追问我国唯一一家进口印度鸡蛋的公司名字, 以及政府至今不愿公布公司名字是否因为是直接颁发合约时, 莫哈末沙布立刻打断旺赛夫的谈话说: “JNE 公司, 去查谁是主席谁是董事。”

“我没有隐藏的东西, 因为我是 ‘abang mat’ (末哥)。”



莫哈末沙布。

莫哈末沙布在上周指出, 我国目前只有一家公司, 获准从印度进口鸡蛋。

他说, 这家公司曾有经验, 从印度出口鸡蛋至卡塔尔, 以应付卡塔尔 2022 年世界杯期间的需求。

“从印度进口的新鲜鸡蛋是白壳鸡蛋, 重量在 50 至 55 克之间, 在我国属于 D 级, 在印度则是属于中級鸡蛋。” #

Headline	Mat Sabu : Govt merely approve 1 company import egg from India		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	09 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	7	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	81 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,455
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,364



末沙布：公開沒隱瞞 僅批1公司進口印度蛋

（吉隆坡8日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布强调，他没有刻意隐瞒任何从印度进口鸡蛋的事实，他更透露，J&E Advance Tech有限公司是大马唯一获准从印度进口鸡蛋的公司。

他今日为2023年财政预算案进行部门总结时，受询及政府是否有意保护进口鸡蛋公司的资料，做出上述回应。

“J&E公司，你们去查看谁是公司董事和主席。我没有什么好隐瞒，我会公开这一切，这就是末哥（hang Mat）。”

否认直接谈判颁合约

他反驳在野党指控政府有意隐瞒相关公司的资料，并否认该公司是通过直接谈判方式获得合约。

他说，有鉴于鸡蛋供应不足，政府目前未通过公开招标及向该公司发放进口许可证。

他指出，一旦鸡蛋供

应恢复，政府将会减少或停止进口。不过，若情况恶化，如发生水灾或供应中断，政府会通过从其他国家如泰国及土耳其进口鸡蛋。

末沙布有信心我国的鸡蛋供应和价格能逐步恢复到5年前的情况。

“在过去5至6年内，我们出口鸡蛋，惟在冠病疫情的这两年，情况变得糟糕，我们也给予短期的进口许可证。”

他表示，由于只是属于短期进口许可证，因此若公司没有根据标准作业行事，政府可以随时中止准证。

他指出，上述情况属于特殊案例，主要是为了满足暂时性的鸡蛋供应短缺需求。

他说，政府正在和鸡蛋生产商进行对话，他们承诺将在开斋节前夕为市场提供足够的鸡蛋。

“如果情况稳定，我希望其他地方不会再发生重大灾难，我们也能恢复到5年前的状态。”

Headline	Mat Sabu to disclose information of Indian egg importer		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	09 Mar 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A6	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	174 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,636
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,909



末沙布駁斥隱瞞指控 將公開印度進口蛋公司資料

（吉隆坡8日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布强调，他没有刻意隐瞒任何从印度进口鸡蛋的事实，而他更透露，J&E Advance Tech有限公司是大马唯一获准从印度进口鸡蛋的公司。

“J&E公司，你们去查看谁是公司董事和主席。我没有什么好隐藏，我会公开这一切，这就是末哥（bang Mat）。”

他为2023年财政预算案进行部门总结时，受询及政府是否有意保护进口鸡蛋公司的资料，作出回应。

他反驳在野党指控政府有意隐瞒公司的资料，并否认该公司是通过直接谈判方式获得合约。

他说，有鉴于鸡蛋供应不足，政府目前未通过公开招标及向该公司发放进口许可证。

他指出，一旦鸡蛋供应恢复，政府将会减少或停止进口。不过，若情况恶化，如

发生水灾或供应中断，政府会通过从其他国家如泰国及土耳其进口鸡蛋。

末沙布有信心我国的鸡蛋供应和价格能逐步恢复到5年前的情况。

“在过去5至6年内，我们出口鸡蛋，惟在冠病疫情的这两年，情况变得糟糕，我们也给予短期的进口许可证。”


他表示，由于只是属于短期进口许可证，因此若公司没有根据标准作业行事，政府可以随时中止准证。

他指出，上述情况属于特殊案例，主要是为了满足暂时性的鸡蛋供应短缺需求。

他说，政府正在和鸡蛋生产商进行对话，他们承诺将在开斋节前夕为市场提供足够的鸡蛋。

“如果情况稳定，我希望其他地方不会发生重大灾难，我们也能恢复到5年前的状态。”（LPP）

Headline	Chan Foong Hlin: Agrobank offers 3 pct low-interest loans for farmers to apply		
MediaTitle	Nanyang Slang Pau		
Date	09 Mar 2023	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A5	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	106 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 803
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,409



陈泓谦：农民可申请 农行提供3%低息贷款

农业及粮食安全部副部长陈泓谦指出，要提升农业技术就必须要有融资项目，农业银行已准备一项为农民提供的3%低息贷款，而这项贷款的贷款利率现阶段只有8%，仍有非常大的空间。

他说，我国并非没有现代化农业科技，如在雪州沙登的大马农业研究及发展公司（MARDI）的永久食物生产中心，可看到不同的农业科技展示，而从事农业的业者可以视本身情况与时并进，采用更精确的农耕科技来提升他

们的农业技术。

陈泓谦是于今日在波德申联邦农业销售局（FAMA）训练中心，出席农业及粮食工程师协会举办的“2023年全国农业与粮食工程研讨会”（NAFEC）颁奖典礼上，如此指出。

大会也颁发最佳农业论文奖给学士、硕士和博士级得奖者，同时也颁发最佳研究员奖给拿督阿末伯维斯、最佳专业奖给拿督莫哈末佐哈迪及颁发教育杰出奖给阿兹米博士。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	HARIAN METRO	LOKAL	4

Port Dickson: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) masih menilai dan mengenal pasti kerosakan serta kerugian sebenar dialami bagi sektor pertanian dan penternakan terutama di Johor yang terjejas akibat banjir ketika ini.

Timbalan Menteri Chan Foong Hin berkata, ia bagi memastikan semua petani dan penternak yang terjejas akan menerima bantuan sewajarnya selepas proses penilaian dilakukan.

“Ketika ini, Kementerian

KPKM masih menilai kerugian sektor pertanian, penternakan

melalui pelbagai agensi di lapangan sedang mendapatkan bancian penuh (mangsa banjir) sebelum kita boleh tentukan berapa jumlah pampasan yang boleh diberikan kepada mangsa.

“Setakat ini, belum ada jumlah angka sebenar kerana banjir belum surut sepenuhnya, kita tak dapat berikan sebelum dapatkan maklumat terperinci,” katanya ketika bersa-

ma daripada agensi kerajaan dan universiti awam.

“Fokus Nafec 2023 ialah membincangkan teknologi terkini, keperluan dan masalah industri pertanian dan makanan, berkongsi amalan baik pertanian dan makanan serta cadangan penambahbaikan undang-undang teraturutamanya untuk bidang kejuruteraan pertanian dan makanan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

KPKM masih kenal pasti, nilai kerosakan

Port Dickson: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang menilai dan mengenal pasti kerosakan serta jumlah kerugian sebenar dialami bagi sektor pertanian serta pen- ternakan terutama di Johor yang terjejas akibat banjir ketika ini. Timbalan Menteri, Chan Foong Hin, berkata ia bagi me- mastikan semua petani dan pen-

ternak yang terjejas akan mene- rima bantuan sewajarnya sele- pas proses penilaian dilakukan. "Ketika ini, pihak kementerian melalui pelbagai agensi di lapa- ngan sedang mendapatkan ban- cian penuh (mangsa banjir) se- belum kita boleh tentukan be- rapa jumlah pampasan yang bo- leh diberikan kepada mangsa. "Setakat ini belum ada jumlah

kerugian sebenar kerana banjir masih belum surut sepenuhnya, kita tak dapat berikan sebelum dapatkan maklumat terperinci," katanya kepada pemberita sele- pas merasmikan Konvensyen Ke- bangsaan Kejuruteraan Pertani- an Dan Makanan (NAFEC) 2023. Sementara itu, dalam program berkaitan, seramai 203 peserta menyertai konvensyen yang ber-

langsung dua mulai hari ini di sini. "Penganjuran NAFEC 2023 ini juga memabitkan kerjasama 15 penganjur bersama yang terdiri daripada pelbagai agensi kera- jaan dan universiti awam. "Fokus NAFEC 2023 ialah membincangkan teknologi terki- ni, keperluan dan masalah in- dustri pertanian dan makanan,

berkongsi amalan baik pertanian dan makanan serta cadangan pe- nambahbaikan undang-undang terutamanya untuk bidang keju- ruteraan pertanian dan maka- nan," katanya. Yang turut hadir, Timbalan Ke- tua Setiausaha (Dasar) KPKM, Datuk Azah HanimAhmad dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	SINAR HARIAN	NEGERI	19

'Saya tidak sembunyi apa-apa'

KUALA LUMPUR - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menegaskan beliau tidak menyembunyikan sebarang fakta berkaitan inisiatif kerajaan dalam mengimport telur dari India.

Malah beliau bersedia mendedahkan sebarang maklumat yang diminta mana-mana pihak berhubung inisiatif berkenaan.

"Syarikat J&E (J&E Advance Sdn

Bhd), boleh pergi semak siapa pengkerusinya, bagi saya tidak sembunyi apa-apa, I'll reveal everything (saya akan dedahkan semuanya).

"Ini Abang Mat, cuma bila jadi kerajaan kena slow sikit," katanya ketika sesi penggulangan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat pada Rabu.

Dalam pada itu Mohamad (**PH-Kota Raja**) memaklumkan, pemberian permit import kepada syarikat tersebut tidak dilakukan secara tender terbuka eko-

ran situasi bekalan telur dalam negara yang meruncing sekali gus memerlukan tindakan segera daripada kerajaan.

"Pada waktu itu, ia dilakukan secara *fast track*. Syarikat itu turut membekalkan telur ke Qatar ketika acara (bola sepak) Piala Dunia.

"Tidak ada langsung peruntukan kerajaan (dalam import telur dari India). Ia tidak (dibuat secara tender terbuka) sebab untuk menampung sementara (bekalan telur), *special case* dan selepas ini, kalau bekalan telur pulih, kita akan kurang atau hentikan import," jelasnya.



MOHAMAD

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	THE SUN	NEWS WITHOUT BOR- DES	5

Govt to assess agriculture sector flood damage

PORT DICKSON: The Agriculture and Food Security Ministry is evaluating and identifying the damage and actual amount of losses suffered by the agriculture and livestock sectors due to floods, especially in Johor.

Its deputy minister Chan Foong Hin said this was to ensure all the affected farmers and breeders receive appropriate assistance.

"At present, the ministry through various agencies on the field, is getting the full census of those involved in the floods to determine how much compensation can be given to them.

"The actual amount of losses cannot be quantified yet as the floodwaters have not completely receded. We cannot comment before getting detailed information," he said. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	THE SUN	NATION	12

I will reveal everything, says Mat Sabu

AGRICULTURE and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu confirmed that the sole Malaysian company importing eggs from India is J&E Advance Tech Sdn Bhd.

He said details on the company will be revealed by the government "soon".

"The company is J&E, check and see who's in there and who's their chairman. I'm not hiding anything," he said in winding up debate on Budget 2023 involving his ministry at the Dewan Rakyat yesterday.

Mohamad was responding to a supplementary question by Wan Saiful Wan Jan (PN-Tasek Gelugor), who asked if the government was hiding the name of the sole company importing eggs from India.

Recently, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) was issued two letters of demand from a company for allegedly sowing public confusion over his statement on imported and local eggs.

He had previously said he was unfazed by the lawsuits and will not stop making his voice heard on behalf of the Malaysian people.

Earlier, Dr Wee had asked whether any imported eggs were rejected by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department.

"Whether or not I'm sued, it's not an issue because I want the government to resolve this issue," he said.

Mohamad would not say whether any imported eggs were rejected, but added that the price of chicken and eggs can be reduced if grain and corn, which are used as chickenfeed, can be produced here.

"If the price of corn can be reduced, chicken and egg prices will recover. We want farmers to make money and not burden Malaysians with increasing prices," he added.

Dr Wee had previously warned that the government would face criticisms if the chicken and egg shortage was not resolved as Ramadan and Hari Raya Aidilfitri were drawing near.

Currently, imported eggs from India are sold at 50 sen each and local eggs at 41sen.

Dr Wee also said many local egg farmers are suffering losses as production costs are higher than the controlled prices.

Mohamad had previously said the government was providing a 10 sen subsidy for each egg until June.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Maqis gagalkan cubaan menyeludup 17 ekor ayam hidup dari Thailand



SEBAHAGIAN ayam hidup yang dirampas pihak Maqis dalam serbuan di pangkalan haram Tanjung, Pengkalan Kubor, Tumpat. -UTUSAN/IHSAN MAQIS

TUMPAT: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) mematahkan cubaan penyeludup untuk membawa masuk sebanyak 17 ekor ayam hidup secara haram di pangkalan haram Tanjung, Pengkalan Kubor di sini kelmarin.

Maqis dalam satu kenyataan berkata, kegiatan penyeludupan ayam itu dikesan di kawasan pangkalan haram berkenaan dengan menggunakan perahu pada pukul 8 malam.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati, ayam-ayam yang dianggarkan bernilai RM1,700 itu diseludup melalui tebing Sungai Golok.

"Kesemua ayam itu dirampas selepas didapati tidak mempunyai sebarang dokumen sah.

"Maqis sebagai benteng utama bagi menjaga jaminan bekalan dan keselamatan makanan khususnya keluaran pertanian yang diimport secara tidak sah akan terus meningkatkan kawalan dan penguatkuasaan undang-undang negara," katanya.

Kenyataan itu turut berkata, kes melibatkan penyeludupan perlu dititikberatkan bagi memastikan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak atau penyakit berbahaya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	HARIAN METRO	LOKAL	23

Maqis Kelantan gagalkan cubaan seludup ayam hidup

Tumpat: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan berjaya menggagalkan cubaan menyeludup ayam hidup menggunakan perahu di Pengkalan Haram Tanjung, Pengkalan Kubor di sini, Isnin lalu.

Pemangku Pengarah Maqis Kelantan Mohd Ariwadi

Salleh berkata, rampasan sebanyak 17 ekor Ayam Gajah yang bernilai RM1,700 bagi tujuan pembiakbakaan itu ditahan ketika cubaan dibawa masuk dari Thailand ke Malaysia melalui tebing Sungai Golok.

“Bahan rampasan ini ditinggalkan di tebing sungai, manakala pengemudi perahu berkenaan berjaya me-

loloskan diri.

“Perbuatan mengimport ayam hidup satu kesalahan mengikut Seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	KOSMO	NEGARA	14



PENGUAT KUASA Maqis mengeluarkan ayam dari reban ketika operasi rampasan ayam hidup di Tumpat baru-baru ini. – IHSAN MAQIS

Cubaan seludup 17 ekor ayam hidup di Tumpat dipatahkan Maqis

TUMPAT – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) berjaya mematahkan cubaan penyeludup untuk membawa masuk sebanyak 17 ekor ayam hidup secara haram di pangkalan haram Tanjong, Pengkalan Kubor di sini pada Isnin lalu.

Maqis dalam satu kenyataan berkata, kegiatan penyeludupan ayam itu dikesan di kawasan pangkalan haram berkenaan dengan menggunakan perahu pada pukul 8 malam.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati, ayam-ayam yang dianggarkan bernilai RM1,700 itu diseludup melalui tebing Sungai Golok.

"Kesemua haiwan itu dirampas selepas didapati tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah.

"Maqis sebagai benteng utama bagi menjaga jaminan bekalan dan keselamatan makanan, khususnya keluaran pertanian yang diimport secara tidak sah akan terus meningkatkan kawalan dan pen-

guatkuasaan undang-undang negara," kata kenyataan itu semalam.

Kenyataan itu turut berkata, kes melibatkan penyeludupan perlu dititikberatkan bagi memastikan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak atau penyakit berbahaya.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	SINAR HARIAN	NEGERI	24

Pantau kemasukan daging dari Brazil

Susulan penyakit lembu gila yang dikesan di negara berkenaan

KUALA LUMPUR

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan terus memantau kemasukan bekalan daging lembu import dari Brazil ke negara ini susulan laporan kes penyakit lembu gila dikesan di Malaysia.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk

Seri Mohamad Sabu berkata, kes tersebut adalah atipikal atau lain daripada kebiasaan dan bukan semua tempat mengalami wabak itu.

"Bagaimanapun, Jabatan Veterinar akan sentiasa memantau proses kemasukannya ke negara ini," katanya kepada pemberita sebagai mengulas mengenai laporan media baru-baru ini yang memetik Kementerian Pertanian Brazil melaporkan satu kes penyakit lembu gila dikesan di negara itu, bulan lalu.

Susulan itu, media antarabangsa pada Sabtu lalu melapor-



MOHAMAD

kan Thailand, Iran dan Jordan telah mengantung sementara import daging lembu dari Brazil.

Mohamad sebelum itu menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan di antara Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bersama tujuh badan

berkanun di bawah kementeriannya di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini pada Selasa.

Turut menyaksikan perjanjian tersebut ialah Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

100 nelayan terjejas teruk, hasil merosot 100 peratus

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
utusannews@mediamula.com.my

KANGAR: Lebih 100 nelayan negeri ini terjejas teruk dengan pendapatan dan hasil tangkapan merosot sehingga 100 peratus sejak seminggu lalu disebabkan faktor peralihan monsun angin timur dan pencerobohan nelayan asing.

Jika sebelum ini hasil tangkapan nelayan mampu mencecah sehingga satu tan metrik sehari, namun jumlah itu tinggal 50 kilogram manakala purata pendapatan seorang nelayan pula hanya RM40 sehari.

Kesan daripada kemerosotan hasil laut itu menyebabkan harga ikan melambung tinggi dan sebagai contoh ikan kembung yang sebelum ini berharga sekitar RM3 hingga RM4 sekilogram namun mencecah sehingga RM16 sekilogram ketika ini.

Seorang peraih ikan, Mohd Shukor Chin, 60, berkata, situasi dihadapi nelayan kali ini lebih teruk berbanding tahun-tahun sebelum ini sehingga menyebabkan pendapatan terjejas ketara.

Katanya, kemerosotan itu disifatkan paling buruk sejak bergelar peraih ikan 26 tahun lalu.

"Faktor perubahan angin monsun timur laut ini dijangka mungkin berterusan sehingga akhir



MOHD Shukor Chin (kanan) melihat tong-tong ikan yang kosong berikutan pengurangan hasil diraih oleh nelayan sejak beberapa minggu lalu disebabkan faktor cuaca dan pencerobohan bot nelayan luar di kawasan perairan di Sungai Baru, Perlis. - **UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD**

Mac ini dan pendapatan nelayan dijangka terus terjejas.

"Malah faktor nelayan asing yang menangkap ikan di perairan di sini juga menjadi antara punca," katanya di sini semalam.

Sementara itu, seorang nelayan di Kuala Sungai Baru, Abdul

Hamid Mokhtar, 57, berkata, kebiasaannya dia mampu meraih sekitar RM3,000 hingga RM4,000 sebulan namun berkurangan mendadak dengan purata sekitar RM1,000 sejak kebelakangan ini.

Menurutnya, pendapatan diperoleh itu tidak berbaloi

memandangkan nelayan perlu mengeluarkan kos minyak dan makanan sekitar RM100 sehari untuk turun ke laut.

"Kadangkala ada nelayan yang keluar awal pagi sehingga berjam-jam di laut akhirnya pulang tangan kosong," katanya.

Penternak rugi RM200,000, 50 ekor lembu mati diracun

ALOR GAJAH: Dua penternak yang juga adik-beradik menanggung kerugian hampir RM200,000 selepas 50 ekor lembu milik mereka ditemukan mati dipercayai diracun di Machap Umboo di sini.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintenden Arshad Abu berkata, haiwan itu sebelum kejadian dibarkan berkeliaran mencari makan dalam ladang kelapa sawit berhampiran dan dipercayai telah menceroboh masuk kawasan kebun durian bersebelahan, memandangkan terdapat kesan pagar roboh akibat dirempuh.

Jelasnya, satu laporan polis berkaitan kes khianat telah dibuat oleh salah seorang penternak berusia 43 tahun itu.

"Mengikut laporan dibuat, pengadu menyedari kejadian itu selepas pekerjaanya datang ke rumah memaklumkan dua ekor lembu ternakan ke-kuarganya telah mati di kebun berhampiran.

"Pengadu dan adik lelakinya terus ke kebun tersebut dan mendapati 50 ekor lembu ternakan mereka mati di kawasan tanaman berkenaan.

"Kali terakhir pengadu melihat ternakannya adalah pukul 6.30 petang kelmarin dan haiwan itu tidak dimasukkan ke dalam kandang kerana bimbang hujan lebat," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Tambah Arshad, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah mengambil sampel ujian yang mana ia ditemukan mati dengan keadaan mulut berbuih, organ keluar darah dan keadaan dalaman abnormal.

"Anggaran kerugian dialami penternak adalah RM200,000.

"Setakat ini tiada tangkapan dibuat dan siasatan lanjut dilakukan mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan kerana melakukan perbuatan khianat," jelasnya.



AJK Biro Muslimah Masjid Ridzwanlah, Kuala Kangsar menunjukkan tanaman yang ditanam di kawasan masjid.

Tanam lebih 10 jenis sayur di masjid

KUALA KANGSAR – Masjid Ridzwanlah Kuala Kangsar memperkasakan Program Urban Farming Community dengan menanam lebih 10 jenis tanaman di kawasan masjid berkenaan.

Ahli Jawatankuasa Biro Muslimah masjid itu, Aini Ruslin berkata, mereka menggunakan dua kaedah penanaman iaitu secara fertigasi dan hidroponik.

Ujarnya, menerusi dua kaedah tersebut, mereka berjaya menanam terung, salad, kailan, pak choy, kangkung serta sawi sejak

Ogos tahun lalu. "Selain itu, kami menanam cili, tanaman herba, lengkuas, serai, kunyit serta pandan. Sejak projek ini bermula, sebanyak empat kali tanaman itu berjaya dituai.

"Ia kemudiannya dijual kepada para jemaah dan hasil pendapatan diperoleh digunakan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti di masjid," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Ujar Aini, pihak pengurusan masjid mengusahakan tanaman tersebut bagi menyahut seru-

an Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkaitan isu sekuriti makanan.

"Selari dengan titah baginda yang mahu usaha bersungguhsungguh dilakukan bagi mengatasi masalah berkaitan, pihak masjid mengambil inisiatif melaksanakan program penanaman sayur-sayuran itu," katanya.

Seorang pengunjung masjid, Satariah Abas, 40, berkata, program dilaksanakan itu mampu mewujudkan komuniti yang sihat dari segi rohani dan jasmani.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	KOSMO	NEGARA	15

Pertukaran monsun menyebabkan pendapatan nelayan cuma RM40 sehari

Tangkapan ikan di Perlis merosot

Oleh SYED AZLAN SAVID HIZAR

KANGAR – Para nelayan di sekitar perairan Kuala Sungai Baru di sini mengeluh selepas mendapati hasil tangkapan mereka merosot hampir 100 peratus berbanding sebelum ini.

Keadaan itu dipercayai disebabkan pertukaran musim Monsun Timur Laut.

Seorang nelayan pesisir pantai, Abdul Hamid Mokhtar, 57, berkata, sebelum ini nelayan mampu mendaratkan sehingga hampir satu tan tangkapan ikan setiap hari.

Disebabkan itu katanya, kini mereka hanya memperoleh hasil tangkapan sekitar 50 kilogram (kg) dan ini menyebabkan nelayan hanya mendapat RM40 sehari dan kadangkala modal untuk membayar bahan bakar pun tidak lepas.

"Disebabkan perubahan musim angin timur, hasil ikan yang ditangkap berkurangan dan pendapatan nelayan terjejas teruk," katanya kepada pemberita



PERAIH melihat bekas ikan yang kosong di pelantar ikan di Kuala Sungai Baru, Kangar semalam.

ketika ditemui di kawasan pen-
daratan ikan Kuala Sungai Baru
dekat sini semalam.

Kata Abdul Hamid yang be-
kerja sebagai nelayan selama
lebih 40 tahun itu ketiadaan
bung tinggi.

Sementara itu, seorang pem-
bantu peraih, Hamzah Ahmad,
63, berkata, keadaan itu berlaku
dalam tempoh seminggu ini dan
semakin ketara dalam dua tiga
hari lepas.

"Memang kebanyakan nelayan
hanya mendaratkan ikan dengan
purata sekitar 50kg sahaja dan
ini menyebabkan bekalan tidak
mencukupi.

"Jika dahulu, ketika ikan ba-
nyak, harga tolak sesetengah
jenis ikan kepada peraih sekitar
RM3 hingga RM4 sekilogram.

"Kini harga tolak kepada pe-
raih sahaja mencecah RM10 dan
ia dijual lebih tinggi di pasaran
runcit.

Tambahnya, keadaan bertam-
bah buruk dengan pencerobohan
nelayan dari Kedah dan Thailand
yang menangkap siput retak seri-
bu yang diharamkan di Perlis.

Ujarnya, kaedah tangkapan
menangkap siput itu menjejaskan
ekosistem seperti tanah di dasar
laut menjadi masam sehingga
merosakkan habitat anak ikan
dan hidupan marin lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Kerajaan banci kerugian petani, penternak

Oleh **NOR AINNA HAMZAH**
utusannews@mediamulla.com.my

+ PORT DICKSON: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang melakukan bancian terhadap kerugian yang dialami golongan petani dan penternak yang terjejas akibat banjir di Johor.

Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin berkata, pihak kementerian menerusi pelbagai jabatan serta agensi sedang memantau situasi bencana itu di Johor yang mempunyai ramai petani sayur-sayuran serta buah-buahan.

"Kementerian melalui pelbagai agensi di lapangan sedang melakukan bancian, selepas itu

baru kami dapat tentukan jumlah pampasan yang akan disalurkan kepada mangsa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan (NAFEC) 2023 anjuran Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Institut Latihan FAMA di sini semalam.

Johor masih dilanda banjir sejak 28 Februari dan sehingga pukul 12 tengah hari semalam, seramai 41,543 orang direkodkan membabitkan 11,818 keluarga masih berada di 198 pusat pemindahan sementara (PPS) yang dibuka.

Sementara itu Foong Hin berkata, pihak kementerian komited dalam memastikan penggunaan teknologi dalam bidang pertanian di negara ini bagi meningkatkan hasil pertanian selain untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang itu.

Jelas beliau, bidang kejuruteraan pertanian mampu mengubah persepsi golongan muda yang mungkin tidak berminat untuk menggunakan kaedah lama.

Menurutnya, banyak teknologi dalam bidang pertanian sudah tersedia di negara ini namun pihak kementerian berdepan cabaran memastikan adaptasi teknologi tersebut dalam kalangan petani atau pesawah.



KIRA-KIRA 40 hektar sawah di Kahang, Kluang ditenggelami banjir yang pastinya bakal menjejaskan pengeluaran padi tahun ini.